

Mata Pelajaran: Geografi

Tingkatan : 2 Cemerlang

Tema : TEMA 6 – PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN

Tajuk: PERKEMBANGAN PENGANGKUTAN DI MALAYSIA

Soalan Kurikulum

Soalan Penting (EQ) : Bagaimanakah manusia menjalankan kehidupan tanpa pengangkutan?

Jika anda tersesat di bulan, bagaimanakah caranya anda ingin pulang ke bumi?

Bagaimana ekonomi Malaysia dapat dikembangkan?

Soalan Unit (UQ) : Mengapa pengangkutan darat semakin penting?

Soalan Kandungan (CQ):

1. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pengangkutan darat di Malaysia?
2. Adakah pengangkutan darat memberi kesan negatif terhadap alam sekitar?
3. Bagaimanakah kita dapat mengurangkan kesan negatif pengangkutan terhadap alam sekitar?

Objektif Pembelajaran:

Pada akhir projek, pelajar dapat :

1. Mempersembahkan projek dalam bentuk laporan lisan dan bertulis serta pameran.
2. Mempersembahkan projek dalam bentuk *power point*.
3. Menyiapkan, mempamerkan dan mengedarkan risalah projek.

Ringkasan Pelajaran

Terdapat tiga jenis pengangkutan yang penting di Malaysia iaitu pengangkutan darat, air dan udara. Perkembangan pengangkutan darat dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti dasar

kerajaan, kegiatan ekonomi, kemajuan teknologi, bentuk muka bumi dan kesejahteraan pengguna. Contoh pengangkutan awal di zaman penjajahan ialah pengangkutan keretapi yang dibina menghubungkan Taiping ke Port Weld (Kuala Sepetang). Kemajuan teknologi telah membolehkan lebuh raya dibina. Contohnya Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS) yang menganjur dari Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru. Kerajaan juga telah menyediakan perkhidmatan rel bersepadu yang canggih walaupun hanya terdapat di sekitar Lembah Klang.

Terdapat beberapa kesan pengangkutan darat di Malaysia terhadap alam sekitar. Antaranya pencemaran udara, kesesakan lalu lintas dan perubahan fizikal (landskap). Beberapa langkah telah diambil untuk mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar. Antaranya memasang *catalytic converter* pada ekzos kenderaan, kempen berkongsi kereta dan pelaksanaan undang-undang jalan raya yang lebih ketat.

Prosedur

Pra-projek

1. Guru membahagikan pelajar dalam kumpulan (3 hingga 5 orang)
2. Guru memberikan tajuk projek dan pelajar mengagihkan sub tugas tentang tajuk projek.
3. Guru menyediakan surat menyurat seperti surat kebenaran membuat projek.
4. Guru menjelaskan cara pelaksanaan projek.
5. Guru mengedarkan jadual pelaksanaan projek.

Minggu 1

1. Pelajar mendapatkan maklumat melalui internet, bahan bercetak seperti surat khabar dan majalah, penggambaran video dan bahan model pengangkutan.
2. Mengumpul dan membincangkan maklumat yang telah diperolehi
3. Guru mengenalpasti cara pelajar untuk mempersembahkan hasil projek.
4. Rubrik penilaian.

Minggu 2

1. Pelajar menyediakan persembahan dalam bentuk *power point*.
2. Pelajar berbincang dengan guru untuk penambahbaikan hasil projek.

3. Rubrik penilaian.

Minggu 3

1. Kumpulan pelajar menyediakan *brosur* dan bahan pameran.
2. Guru membimbing pelajar untuk menyediakan senarai isi kandungan *brosur*.
3. Rubrik penilaian.

Minggu 4

1. Pelajar mengedarkan *brosur*, dan mempersembahkan *power point*.
2. Pelajar membuat pameran.
3. Guru membuat ulasan terhadap pembentangan dan pameran yang dijalankan.
4. Guru membuat penilaian hasil kerja kumpulan pelajar.

Tempoh masa

- 4 minggu

Pengetahuan/Kemahiran sedia ada

- Kemahiran mengakses internet
- Pengetahuan am tentang pengangkutan darat

Integrasi Kemahiran Generik

- Kemahiran Belajar
- Kemahiran Berfikir
- Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Kemahiran Mentaksir dan Menilai
- Kemahiran Fasilitator

Bahan Bantu Belajar/Sumber Pembelajaran

- Komputer / internet
- Kamera Digital

Bahan Bercetak : Buku Teks, majalah, akhbar dan bahan rujukan lain

Sumber Internet : Alamat laman web

Lain-lain Sumber : Jabatan Kerja Raya dan Unit Perancangan Bandar dan Wilayah

Pentaksiran : Rubrik penulisan, lisan dan pameran.